

**Manhaj *Tarbiyah Rabbaniyyah* oleh Sa`id Hawwa dalam Pembangunan Modal Insan:
Tumpuan kepada Karya *al-Asas fi al-Tafsir***

Oleh:

Muhamad Alihanafiah Norasid¹
Prof. Madya Dr Mustaffa Abdullah²

Abstrak

*Antara tokoh mufassir tersohor pada abad ke-20 Masihi yang tidak lekang menebarkan sumbangsih, dan mencurahkan ilmu bagi pembangunan modal insan di samping berjihad di jalan Allah s.w.t. ialah Sa`id Hawwa. Sa`id Hawwa sememangnya dikenali sebagai tokoh murabbi yang sinonim dengan idea rabbani lantaran cetusan pemikiran beliau mengenai pembentukan harkah ihya' al-rabbaniyyah. Tarbiyah rabbaniyyah bermaksud proses pendidikan, pengislahan, pembangunan insan, dan pengasuhan ke arah menyelami dan menjiwai hubungan manusia dengan Allah s.w.t yang menggariskan beberapa elemen penting dalam pembangunan rabbani, iaitu tarbiyah thaqafiyah, tarbiyah ruhiyyah, dan tarbiyah da`awiyah harakiyyah. Justeru, kertas kerja ini akan mengupas elemen-elemen tersebut yang menjadi batu asas kepada kerangka manhaj tarbiyah rabbaniyyah menerusi analisis pentafsiran ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan di dalam karya tafsir Sa`id Hawwa, *al-Asas fi al-Tafsir* bagi memaparkan model pembangunan modal insan terunggul yang diketengahkan oleh beliau.*

Pendahuluan

Isu kebejatan akhlak seperti buang bayi, zina, dan penyalahgunaan dadah ternyata kian meruncing saban hari³. Gejala ini timbul ekoran lunturnya penerapan elemen-elemen *tarbiyah*

¹ Pelajar Ijazah Tinggi, Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

² Prof. Madya dan Ketua Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

³ Mohd Roslan Mohd Nor (2010), "Membangun Remaja Muslim Masa Kini: Cabaran, Rintangan, dan Harapan", dalam Mustaffa Abdullah & Faisal Ahmad Shah (eds.), *Kemelut Peradaban Remaja di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Qur'an dan al-hadith, Akademi Pengajian Islam, h. 174.